

JAWAPAN:

Bagi menjawab soalan (a), usaha yang diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan kos bagi menanggung warga asing yang ditahan sebanyak RM88,596,769.27 dari tahun 2011 sehingga 2014, adalah melalui pelaksanaan Program Serah Diri (Kompaun 3 + 1) di mana Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang menyerah diri akan dapat menjimatkan kos operasi JIM seperti kos makan minum, logistik dan pengusiran. Program Serah Diri (Kompaun 3+1) ini melibatkan seramai 112,276 orang PATI yang telah membayar kompaun dan dikeluarkan dengan Pas Khas untuk pulang ke negara asal bagi tempoh 22 Julai 2014 hingga 31 Disember 2014 telah memberikan hasil kepada Jabatan Imigresen Malaysia sebanyak RM44,884,624.00.

Untuk makluman Yang Berhormat, usaha ini telah diteruskan sehingga sekarang di mana jumlah hasil yang dikutip dari 1 Januari hingga 6 Mei 2015 yang melibatkan seramai 38,005 orang PATI yang telah membayar kompaun dan dikeluarkan dengan Pas Khas untuk pulang ke negara asal adalah sebanyak RM15,172,280. PATI yang balik akan disenaraihitamkan oleh JIM.

Bagi menjawab soalan (b), Kerajaan tidak mengeluarkan sebarang kos bagi penghantaran pulang PATI melalui Program Serah Diri (Kompaun 3+1) kerana ia ditanggung oleh PATI sendiri dan institusi yang terlibat bagi program ini adalah Jabatan Imigresen Malaysia.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA: TUAN SHAMSUL ISKANDAR
BIN MOHD AKIN [BUKIT KATIL]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Shamsul Iskandar bin Mohd Akin [Bukit Katil] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada larangan staf Universiti Malaya sebagai penganjur aktiviti politik di dalam dan luar negara bercanggah dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Berdasarkan Peraturan 20, Bahagian II, Jadual Kedua (Seksyen 5), Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000 (Akta 605), memperuntukkan bahawa seseorang pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi atau Kumpulan Pengurusan dan Profesional tidak boleh mengambil bahagian aktif dalam aktiviti politik atau memakai apa-apa lambang sesuatu parti politik, dan khususnya, dia tidak boleh:

- (a) membuat apa-apa pernyataan awam, sama ada secara lisan atau bertulis, yang memberikan suatu pandangan yang berat sebelah tentang apa-apa perkara yang menjadi isu antara parti-parti politik;
- (b) menerbitkan atau mengedar apa-apa bahan yang mengemukakan pandangannya yang berat sebelah atau pandangan orang lain,

tentang apa-apa perkara yang berkaitan dengan mana-mana parti politik;

- (c) terlibat dalam merayu undi bagi menyokong mana-mana calon dalam sesuatu pilihan raya bagi Dewan Rakyat atau bagi mana-mana Dewan Undangan Negeri atau apa-apa pemilihan untuk apa-apa jawatan dalam mana-mana parti politik;
- (d) bertindak sebagai ejen pilihan raya atau ejen tempat mengundi atau atas apa-apa sifat untuk atau bagi pihak seseorang calon dalam sesuatu pilihan raya bagi Dewan Rakyat atau bagi mana-mana Dewan Undangan Negeri;

Sehubungan itu, sekiranya terdapat pelanggaran mana-mana peruntukan tata kelakuan yang dinyatakan seperti di atas, maka seseorang pegawai boleh dikenakan tindakan tatatertib bergantung kepada tahap keseriusan suatu kesalahan tatatertib tersebut.